



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE-202 BIL. 9/2026**

**PEMAKLUMAN PERMOHONAN RAYUAN BAGI PENEMPATAN DI KOLEJ KEDIAMAN BAGI
SEMESTER II SESI AKADEMIK 2025/2026**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kepada Semua Pelajar UMPSA

Dimaklumkan bahawa **permohonan rayuan penempatan di Kolej Kediaman** bagi **Semester II Sesi Akademik 2025/2026** kini dibuka. Permohonan rayuan ini dibuka untuk pelajar **kampus Gambang dan Pekan**.

Berikut merupakan maklumat penting berkaitan permohonan rayuan:

1. **Tempoh Permohonan: 26 Januari 2026 (Isnin) hingga 28 Januari 2026 (Rabu)**
2. **Kaedah Permohonan:** Permohonan rayuan hendaklah dibuat melalui pautan berikut (<https://forms.gle/adP5Cyftz1cp9sPz6>) dengan menggunakan **emel rasmi UMPSA**.
3. **Dokumen Sokongan:** Pelajar yang mempunyai alasan kukuh (seperti masalah kesihatan, keselamatan, dan lain-lain) **dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan** bagi membantu proses pertimbangan.
4. **Keputusan Rayuan:** Keputusan akan dimaklumkan secara rasmi melalui emel selepas proses semakan dan pertimbangan selesai dilakukan iaitu pada tarikh **16 Februari 2026 (Isnin)**.
5. Pelajar yang berjaya dan ditawarkan penempatan hendaklah melengkapkan permohonan rasmi melalui portal MyGading dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelajar dianggap telah menolak tawaran penempatan tersebut, dan tawaran berkenaan akan terbatal secara automatik tanpa sebarang notis daripada pihak pengurusan kolej.

Nota Penting:

- Rayuan akan dipertimbangkan bergantung kepada kekosongan semasa dan keutamaan keperluan.
- Pelajar dinasihatkan untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada pihak pengurusan kolej kediaman melalui emel residen@umpsa.edu.my

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Disediakan Oleh:

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Tarikh: 20 Januari 2025